

09/12/2001

PUM cakap tak serupa bikin

Syed Akbar Ali

MENURUT laporan akhbar HarakahDaily.com (5 Disember), Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin berkata segala resolusi yang dihasil dalam Ijtimak Khas Ulama Malaysia anjuran PUM baru-baru ini bukanlah fatwa tetapi hanya resolusi PUM.

Antara lainnya resolusi itu menetapkan bahawa memulau semua barangan, perkhidmatan dan aktiviti sosial Amerika Syarikat adalah suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh semua umat Islam dan kempen ini harus disegerakan oleh semua pihak secara bersungguh untuk menjayakannya."

Resolusi ini dibuat untuk membantah serangan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

Abdul Ghani berkata resolusi itu adalah rasional dan waras. Beliau menuduh orang yang tidak setuju resolusi PUM itu sebagai emosional dan gopoh. Untuk mempertahankan hak PUM mengeluarkan resolusi itu, Abdul Ghani juga berkata pernyataan resolusi tersebut adalah pelaksanaan terhadap kebebasan berbicara dan berpendapat yang dilindungi oleh perlembagaan negara dan juga bahawa sebagai umat Islam yang warak, bijak, konsisten dan tidak gopoh seperti dinyatakan Rasulullah, mereka perlu menghayati ketetapan resolusi mengenai Afghanistan itu.

Umum sedia maklum bahawa PUM menjalankan banyak aktiviti dengan parti Pas dan boleh dikatakan sebagai pengapit kepada perjuangan Pas. PUM pernah menyokong kuat konsep Kristian sekularisme yang menjadi falsafah perjuangan Pas. Pas pernah menuduh perlembagaan Malaysia sebagai satu perlembagaan sekular peninggalan penjajah. Tetapi mengikut PUM pula mereka sekarang berlindung di bawah perlembagaan Malaysia yang sama juga untuk berbicara dan berpendapat sebagai umat Islam yang warak, bijak, konsisten dan tidak gopoh seperti mana dinyatakan Rasulullah.

Ini menjadi satu lagi kes cakap tak serupa bikin yang menjadi penyakit yang menjangkiti terlalu ramai manusia yang suka menggelar diri sebagai ulama.

Menurut laman web PUM, mereka menjemput warganegara Malaysia menjadi ahli PUM dengan membayar yuran pendaftaran RM5 bagi setiap individu.

Pemikiran waras dan rasional jarang termasuk dalam bidang kuasa kumpulan ulama. Resolusi untuk memulaukan barangan dan perkhidmatan Amerika Syarikat sebenarnya adalah sandiwara untuk mencari publisiti murahan daripada nasib malang yang menimpa rakyat Afghanistan.

Jika PUM bersungguh-sungguh untuk memulaukan barangan, perkhidmatan dan aktiviti sosial Amerika, mereka tidak boleh menaiki kapal terbang untuk ke mana pun termasuk menunaikan haji. Sepertimana Perdana Menteri menjelaskan semua kapal terbang yang mengangkut jemaah haji adalah buatan syarikat gergasi Amerika seperti Boeing ataupun syarikat Perancis yang juga membantu Amerika mengebom Afghanistan. Kecuali ahli PUM hendak menegakkan prinsip dan bertekad untuk berjalan kaki ke Makkah.

Jika kita mengunjungi laman web mereka, PUM sendiri menggunakan perkhidmatan web yang disediakan oleh geocities.com iaitu syarikat Internet dari Amerika juga. Bukan itu saja tetapi seluruh perkhidmatan Internet dikawal dan diuruskan oleh syarikat gergasi IT Amerika Syarikat yang juga mencipta Internet. Seperti mana umum sedia faham Internet terhasil daripada teknologi IT yang dipelopori angkatan tentera Amerika yang sedang mengebom Afghanistan.

Untuk mengelak diri daripada menonjolkan sifat munafik yang keterlaluan, PUM patut padamkan saja laman web mereka mulai sekarang juga.

Hampir semua komputer sekarang menggunakan sistem Windows software yang dihasilkan oleh syarikat gergasi Microsoft milik Bill Gates dari Amerika Syarikat. Begitu juga cip mikro Pentium dalam komputer dibuat oleh syarikat Intel dari Amerika Syarikat juga.

Pernah berlaku dalam negara kita dulu di mana kumpulan ulama mendesak pengikut mereka membuang peti televisyen ke dalam sungai atas alasan televisyen menyebarkan fahaman kebendaan. Maka sekarang PUM pula tidak mempunyai pilihan melainkan untuk mencampak semua komputer kepunyaan mereka yang menggunakan Windows software atau cip mikro Pentium ke dalam laut.

Mengikuti laporan HarakahDaily.com pada 22 Jun 2001, Yang Dipertua PUM, Abdul Ghani Shamsudin pernah berkata dalam satu seminar IT di Terengganu anjuran bersama Pas bahawa alim ulama perlu arif tentang perkembangan IT, prasarana komunikasi dan sumber maklumat virtual yang terkini.

Ketika membaca ucapan Shamsudin di laman web HarakahDaily.com itu, kita akan mendapati bukan saja perkhidmatan laman web itu disewa daripada syarikat IT Amerika tetapi ada terselit juga iklan untuk perjudian Internet (Play Casino) pada laman HarakahDaily.com itu.

Iklan judi itu menggunakan gambar seorang wanita separuh bogel yang mempelawa pembaca setia HarakahDaily.com untuk bertaruh nasib dalam perjudian Internet. Semoga Allah akan melindungi pembaca HarakahDaily.com daripada angkara syaitan.

Begitu juga halaman web TV yang menjadi saluran siaran televisyen Pas menerusi Internet tidak boleh ditonton kecuali dengan menggunakan Windows Media Player buatan Microsoft juga. Sebagai umat Islam yang warak, bijak, konsisten dan tidak gopoh seperti mana dinyatakan Rasulullah jika PUM serius dengan resolusi mereka untuk memulaukan barangan dan perkhidmatan Amerika Syarikat maka mereka patut menyeru rakan-rakan dalam Pas memadamkan laman web HarakahDaily.com dan Web TV dengan serta-merta.

Tetapi kita tidak perlu memikirkan jauh untuk memahami bahawa ahli PUM tidak akan memulaukan penerbangan menaiki kapal terbang Boeing buatan Amerika. Mereka juga tidak akan memadamkan laman web mereka dalam Internet atau mencampak komputer yang menggunakan cip mikro Pentium ke dalam laut. Sebaliknya kemungkinannya paling besar mereka juga akan mengunjungi restoran McDonalds dengan anak-anak mereka yang amat gemar makan Big Mac dan kentang goreng.

Surah As Syaff dalam al-Quran menceritakan keadaan ini dengan sungguh jelas.

"Wahai orang yang beriman, mengapakah kamu mengatakan apa yang kamu tidak buat? Amat besar kebenciannya di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa yang kamu tidak buat." Surah 61: 2-3.

Maksudnya jangan cakap tak serupa bikin. Perbuatan seperti ini amat dibenci oleh Allah dan hanya menjemput bencana kemurkaan Tuhan. Orang yang suka berbuat demikian akan juga termasuk dalam golongan orang munafik.

Tidak lama dulu, Al Gore pernah datang ke negara kita dan meniupkan bisikan untuk menghasut rakyat kita memberontak dan berkeliaran di tepi jalan untuk menggulingkan kerajaan. Pada masa itu PUM tidak mengeluarkan sebarang fatwa atau resolusi untuk membantah bisikan ganas Al Gore itu.

Malah ramai penyokong Pas telah membawa sepanduk yang minta pertolongan daripada Al Gore. Ada juga penyokong yang mengangkat sepanduk meminta Al Gore menangkap Dr Mahathir. Pada waktu itu kerajaan kita tetap menentang perbuatan Amerika Syarikat terutama sekali campur tangan mereka dalam hal dalam negara kita. Kita juga membantah dasar ekonomi mereka yang mengeksploitasi dan mufliskan ekonomi negara membangun.

Pimpinan Amerika Syarikat pada waktu itu tidak senang kelantangan Malaysia di medan antarabangsa untuk membantah tindak-tanduk mereka. Begitu juga kita telah membantah keganasan Amerika apabila mereka mengebom

Iraq dan mengadakan sekatan atas beberapa negara Islam.

Seperti mana boleh disangka PUM tidak mengeluarkan sebarang fatwa atau resolusi pada masa itu untuk membantah Amerika Syarikat. Mereka juga tidak membuat sebarang kenyataan untuk menyokong kerajaan. Sebaliknya mereka tetap menyokong perbuatan Pas yang minta bantuan Al Gore.

PUM juga tidak mengeluarkan sebarang fatwa atau resolusi hingga hari ini untuk mengutuk tindakan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang mengunjungi Menteri Luar Australia Alexander Downer untuk mengadu kepadanya tentang hal dalaman tanah air kita. Apakah PUM tidak tahu bahawa Australia adalah penyokong kuat keganasan Amerika dan sekarang telah menghantar pasukan tentera khas untuk berperang di Afghanistan?

Maka resolusi PUM ini adalah sandiwara saja dan tidak mempunyai sebarang makna. Mereka membuat resolusi ini untuk dijadikan bahan ceramah pro Pas di masjid dan surau untuk menonjolkan kononnya merekalah pejuang jihad yang berani menentang Amerika.

Sekali lagi kumpulan ulama membuktikan mereka tidak berkeupayaan untuk berfikir secara waras dan rasional. Perbuatan mereka lazimnya backfire atau menjadi sia-sia saja. Ini adalah kerana mereka tidak berpegang kepada ilmu dan wahyu yang diturunkan Allah kepada manusia. Mereka hanya mengikut nafsu dan sangkaan masing-masing dan cuba menjualnya sebagai ajaran Nabi, kehendak agama dan sebagainya.

Orang yang tidak tahu berfikir akan terpukau dengan helah mereka ini. Oleh itu kehadiran lebih ramai orang yang tidak boleh berfikir akan menguntungkan mereka.

(END)